

Aktiviti-akidah: Ahli as-Sunnah Wal Jamaah

Suaikan sejarah, maksud aliran akidah dan prinsip bagi setiap aliran dengan betul.

Muktazilah	Kumpulan yang menuntut supaya Saiyidina Ali RA dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah dan berkeyakinan hanya ahli Bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah
Syiah	Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah menerusi para sahabat dan tabiin serta tabi' tabiin dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak.
Ahli as-Sunnah Waljamaah (ASWJ)	Kumpulan yang diasaskan oleh Wasil bin Ata' setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar
Prinsip utama Syiah	Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka samada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT
Prinsip utama khawarij	Menambah nama Saidina Ali RA dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW
Prinsip Utama Muktazilah	Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihan kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak
Prinsip Utama Khawarij	Syafaat Rasulullah SAW adalah dengan izin Tuhannya termasuklah syafaat baginda untuk pelaku dosa besar kerana mereka masih dikira beriman
Prinsip Utama Syiah	Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil
Khawarij	Menyanjung Saidina Ali ra secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW.
Prinsip Utama ASWJ	Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib ra yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim